

**KAEDAH PERBAHASAN SEBAGAI WAHANA PEMBELAJARAN DAN PEMUDAH CARA
BERASASKAN KBAT DALAM PROSES PENULISAN KARANGAN ARGUMENTATIF***(Debate as a Tools for Teaching and Learning Based on Hots in the Process
of Argumentative Essay Writing)***MARZNI MOHAMED MOKHTAR***Universiti Sains Malaysia
marznifpp@gmail.com**ROHIZANI YAAKUB©**Universiti Sains Malaysia
rohizani@usm.edu.my**FADZILAH AMZAH**Universiti Sains Malaysia
fadzilah@usm.edu.my**Dihantar pada:**

21 Julai 2017

Diterima pada:

01 November 2017

Koresponden:marznifpp@gmail.com

Abstrak: Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) di dalam bilik darjah menjadi sebahagian daripada agenda pendidikan negara. Peralihan tumpuan ini amat penting dalam memastikan kelestarian sistem pendidikan negara menyediakan murid untuk memaksimumkan keupayaan kognitif mereka. Persaingan yang amat kompetitif dalam sistem pendidikan global menuntut pada pengamal sistem pendidikan perlu mengubah kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam bilik darjah untuk merealisasikan agenda pendidikan negara ini. Justeru, kajian ini dilangsungkan bagi meneliti bagaimana guru melaksanakan Pdp berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan argumentatif. Bagi mendapatkan gambaran yang holistik terhadap kaedah PdPc yang digunakan oleh guru, kajian ini dilaksanakan dengan menggunakanreka bentuk penyelidikan kajian kes kualitatif. Dua orang peserta kajian dilibatkan secara sukarela dan kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah berasrama penuh di sebuah daerah di Selangor. Bagi mengumpulkan data yang bermakna daripada kedua-dua peserta kajian, temu bual secara mendalam, pemerhatian di dalam bilik darjah dan penganalisan dokumen sehingga data-data mencapai tahap ketepuan. Seterusnya, dapatan kajian dianalisis untuk membentuk kriteria dan tema bagi meneliti kaedah PdPc berasaskan KBAT yang diamalkan oleh kedua-dua peserta kajiandalam proses penulisan karangan argumentatif. Dapatan kajian memperlihatkan kaedah perbahasan digunakan sebagai salah satu cara melangsungkan PdPc berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan argumentatif. Secara keseluruhannya, kaedah perbahasan didapati berupaya menarik minat murid dan mencabar keupayaan murid menggunakan kognitif berfikir pada aras tinggi dalam usaha menyediakan hujah dan melengkapkan tugas menulis karangan.

Kata kunci: kaedah perbahasan, KBAT, kajian kes, karangan argumentatif, wahana

Abstract: The application of higher-order thinking skills (HOTS) in the teaching and learning process in the classroom is a part of the national education agenda. The shift is crucial in ensuring the sustainability of the national education system in maximizing the students' cognitive abilities. The competitiveness in the global education system demands the needs of the educators to change the teaching methods and approaches used in the classroom for the realization of the country's education agenda. Thus, this study was conducted to examine how the teaching and learning process based on HOTS is being implemented by the educators in the process of writing the argumentative essay. In order to obtain a holistic overview of the methods used by teachers in the teaching and learning process, the qualitative case study approach was being employed as the research design of this study. Two research participants were involved in this study and the study was conducted at a boarding school in a district in the state of Selangor. In order to collect meaningful data from both of the research participants, in-depth interviews, observations in the classroom and documentations were used. Next, the findings were being analyzed to discover the criteria and themes in identifying the HOTS teaching and learning process as used by both the research participants in their process of writing an argumentative essay. The findings revealed that debating is a method used the debate as a way of implementing the use of HOTS teaching and learning process in the writing of an argumentative essay. All in all, the debating method has been proved to be able to attract and inspire the students to use the higher order thinking skills in constructing their arguments and in completing their writing assignments.

Key words: debate, HOTS, case study, argumentative essay, tools

PENGENALAN

Kurikulum pendidikan di Malaysia dilihat menjadi tidak seimbang lantaran berlakunya pengabaian terhadap potensi perkembangan otak kanan (bahasa, sastera, estetika, sukan, kreativiti dan bakat seni). Pengabaian ini berlaku akibat daripada kecenderungan yang keterlaluan terhadap potensi perkembangan otak kiri (akademik yang mengandungi aspek analitikal dan logik matematik) yang menjadikan kurikulum pendidikan menumpukan pada pemberatan fakta yang berbentuk abstrak dan sukar untuk dikuasai oleh murid (Aminah, 2003). Malah, pedagogi yang diamalkan oleh guru didapati berbentuk didaktik (berpusatkan guru) berbanding berbentuk tematik (berpusatkan murid) yang memerlukan perubahan pada amalan guru dengan menerapkan elemen-elemen pembelajaran yang menggalakkan murid berfikir dan menggunakan maklumat yang boleh dikaitkan dengan kehidupan seharian (Aminah, 2003).

Perubahan pada amalan pedagogi ini dilihat selaras dengan saranan Maimunah (2004) yang menjelaskan bahawa amalan berfikir perlu dipupuk dalam diri setiap individu secara berterusan dan diberi penekanan awal di sekolah dan institut pengajian tinggi. Pembudayaan kemahiran berfikir dapat dilaksanakan dengan adanya sokongan persekitaran yang kondusif bagi membuka peluang penerokaan, percubaan, latihan dan penambahbaikan dengan lebih luas dan pada akhirnya membolehkan keupayaan individu digilap berterusan (Abdul Halim, 2016). Antara inisiatif dalam membudayakan pemikiran beraras tinggi ini adalah dengan adanya penggunaan kaedah-kaedah pengajaran dalam kalangan guru bagi menghasilkan hasil murid dapat berfikir dengan berkualiti (Jumaliah & Zamri, 2016).

Selain itu, perubahan amalan pedagogi guru juga melibatkan usaha guru menyediakan aktiviti berfikir yang dilakukan secara berkumpulan dapat menajamkan keupayaan kognitif murid. Hal ini dapat dilakukan oleh guru menerusi penyediaan pelbagai rancangan, latihan dan alternatif yang dibincangkan sehingga murid-murid sendiri dapat merasakan kejutuan makna yang mendasari sesuatu perkara menjadi persoalan. Hasilnya, murid dapat berfikir secara bercapah dengan melihat sesuatu perkara daripada pelbagai perspektif dan bukan hanya menjadi penerima ilmu sahaja sebaliknya

diajarkan untuk menjadi seseorang yang mencari kepelbagaian ilmu.

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Aktiviti perbahasan atau debat difahami sebagai sebuah perbincangan formal yang memerlukan individu berhujah, mengutarakan usul dan membuat bidasan secara lisan. Perbincangan formal ini memerlukan penglibatan dua pasukan yang berhujah atau berdebat tentang sesuatu usul yang mana, satu pasukan akan menyokong dan satu lagi pasukan akan membangkang usul yang telah ditetapkan yang dapat dilakukan sama ada dalam bentuk pertandingan atau bukan pertandingan (Norhasni, 2014).

Perbahasan juga diertikan sebagai pengucapan sama ada menyokong atau membangkang sesuatu pandangan dengan alasan yang logik yang disampaikan dengan menggunakan idea yang tersusun (Nurhidayu, 2012). Kemahiran berbahas berupaya menjadikan seseorang individu menolak dan menyangkal tuduhan, alasan, andaian dan pendapat orang lain. Malah, kemahiran berbahas juga didapati mampu menjadikan seseorang individu itu mampu mengkritik, kebolehan mengemukakan cadangan terhadap kes, kelemahan fakta oleh orang lain dan perbahasan hipotesis yang dibuat oleh orang lain tentang sesuatu perkara (Mohd Azhar, 2001).

Kemahiran berbahas penting dibudayakan sebagai salah satu kaedah pengajaran bagi meningkatkan penguasaan kognitif murid. Hal ini demikian kerana dalam konteks sistem pendidikan, kemahiran berdebat diertikan sebagai penilaian guru terhadap kecekapan murid menggunakan keupayaan intelektual untuk berhujah dengan fakta, bukti dan maklumat yang relevan digunakan dalam membuat sesuatu hujah (Mohd Azhar, 2001).

Selanjutnya, kemahiran berbahas dapat dijadikan sebagai kaedah pengajaran guru memandangkan kemahiran ini dapat berperanan sebagai latihan bagi sekumpulan peserta untuk berbincang secara umum tentang kebaikan atau kelemahan sesuatu idea dan bertujuan untuk memperkembangkan kebolehan pelatih, supaya pelatih selesai memainkan peranan sama ada sebagai pencadang atau pencadang atau pembangkang bagi menyelesaikan sesuatu isu atau topik (Norhasni, 2014).

Hal ini diperkukuhkan dengan pandangan Nurhidayu (2012) bahawa kemahiran berbahas mendatangkan manfaat kepada murid terutamanya dalam kalangan murid sekolah menengah kerana kemahiran berbahas dapat: (i) memperkembangkan kecekapan komunikasi dengan berkesan; (ii) melatih murid berfikir dengan pantas dan melahirkan buah fikiran dengan tepat dan teratur; (iii) menguasai kemahiran berbahasa dengan menggunakan struktur ayat yang betul dan menggunakan laras bahasa yang sesuai; (iv) mengemukakan hujah secara rasional, kritis dan kreatif dan (v) melatih kemahiran mendengar, menaakul, berhujah dan membidas.


Melihat pada peluang dan manfaat penggunaan kaedah perbahasan dalam PdPc guru, kemahiran berbahas dilihat berupaya dijadikan sebagai medium pengaplikasian PdPc berasaskan KBAT terutamanya dalam merangsang murid untuk berfikir dalam proses penulisan karangan argumentatif. Hal ini demikian kerana murid dapat mengasah keupayaan berfikir pada aras tinggi untuk menjana idea dan memperkembangkan idea, pandangan, mahupun pengetahuan bersama rakan-rakan di dalam bilik darjah yang dipertautkan bersama hujah, sokongan, bukti dan huraian yang berpadanan (Mohd Azhar, 2001) untuk mencari penyelesaian bersama terhadap isu yang terdapat dalam tugas menulis karangan argumentatif.

Jelas bahawa perkembangan kemahiran berbahas dengan sendirinya akan membawa kepada perkembangan kemahiran berbahasa, perkembangan mental yang positif, peningkatan ilmu dan pemupukan sifat-sifat kepimpinan dalam diri murid seandainya kemahiran berbahas dijadikan sebagai aktiviti dalam proses Pdp secara berterusan (Nurhidayu, 2012).

Dalam kajian ini, *Model Penulisan Argumentatif Toulmin's (1958)* dan *Binaan Wacana Argumentatif* (Ali, 2005) digunakan sebagai kerangka asas untuk meneliti bagaimana guru menggunakan kaedah perbahasan sebagai wahana PdPc berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan argumentatif. Pemilihan kedua-dua model ini amat bertepatan dengan konteks penulisan karangan argumentatif di sekolah yang sering membicarakan mengenai faktor, punca, sebab, kesan dan langkah bagi sesuatu isu yang dibahaskan.

Model Penulisan Argumentatif Toulmin's (1958) terdiri daripada enam komponen, iaitu data (*data*), hujah (*claim*), andaian (*warrant*), sokongan (*backing*), penambahjelasan hujah (*qualifier*) dan pematahan hujah (*rebuttal*) (Toulmin, 1958; Nureeyah, 2015). Tunjang utama yang mendasari binaan model ini ialah data, hujah dan andaian dalam meneliti proses proses melakukan argumentasi. Hal ini demikian kerana hujah dan andaian biasanya mempunyai pertalian yang diperoleh menerusi data (Mayberry, 2002).

Berikutnya, komponen sokongan, pematahan hujah dan penambahjelasan berfungsi sebagai elemen tambahan untuk menyokong pernyataan sesuatu premis yang ingin dibahaskan. Elemen sokongan berperanan untuk memperjelaskan hujah sokongan sekiranya hujah tersebut tidak mendapat persetujuan umum. Komponen kelima, iaitu penambahjelasan pula menggunakan perkataan *seperti* untuk mencadangkan sesuatu yang sangat kukuh dan perkataan *sekiranya* pula untuk mengukuhkan hujah yang telah dibuat. Komponen terakhir iaitu pematahan hujah digunakan bagi menolak sebarang premis hujah yang tidak diyakini sokongannya dan penambahjelasan hujah. Pertautan antara keenam-enam elemen penulisan ini dapat diteliti pada Rajah 1.



Rajah 1: Model Penulisan Argumentatif (Toulmin's 1958)

Bagi model *Binaan Wacana Argumentatif* (Ali, 2005), model ini dibina oleh sarjana tempatan. Model ini merupakan idea penambahbaikan daripada Model Penulisan

Toulmin's untuk disesuaikan dengan keperluan tempatan. Model ini mempunyai dua binaan utama iaitu binaan esei argumentatif dan aspek bahasa yang bertujuan untuk membantu guru mengajarkan tatacara penulisan wacana argumentatif di sekolah. Jadual 1 memperincikan bagaimana model ini digunakan dalam penulisan karangan argumentatif:

Jadual 1: Binaan Wacana Argumentatif (Ali, 2005)

Komponen	Perincian
a. Binaan Esei Argumentatif	A. Pendahuluan Ayat Topik Ayat Penyokong Ayat Penutup
	B. Idea Utama (Argumentasi Utama) Ayat Sokongan Terperinci - Bukti - Contoh - Fakta
	C. Idea Utama Ke-2
	D. Idea Utama Ke-3
	E. Idea Utama Ke-4
	F. Idea Utama Ke-5
	G. Penutup Ayat rumusan Ayat cadangan Ayat penegas – penutup argumentatif
b. Aspek Bahasa	A. Struktur ayat satu dasar dan ayat majmuk
	B. Struktural gramatikal
	C. Struktur semantik
	D. Struktur retorik, argumentatif dan persuasif
	E. Kesempurnaan ayat (FN +FN; FN +FK; FN + FA; FN + FS) atau ada (SUBJEK + PREDIKAT)
	F. Mempunyai penanda wacana
	G. Mempunyai kohesi dan koheren
	H. Mempunyai keindahan bahasa
	I. Mempunyai diksi yang kuat
	J. Mempunyai kesinambungan yang licin

PERNYATAAN MASALAH

Isu amalan pedagogi guru dalam PdPc bukanlah sesuatu yang baharu dalam penyelidikan pendidikan. Guru berperanan penting dalam merencanakan proses PdPc dengan tujuan memberikan input pengetahuan kepada murid di samping memberikan pengalaman yang bermakna kepada murid. Hal ini amat bergantung kepada

keupayaan guru untuk menggunakan kepelbagaian kaedah dan pendekatan pengajaran untuk menyampaikan ilmu kepada murid dan mengekalkan perhatian mereka di dalam bilik darjah.

Penekanan terhadap elemen KBAT juga memerlukan usaha guru menggunakan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang efektif dalam proses PdPc berasaskan KBAT bagi mengembangkan minda murid (Wan Mat & Norkhairiah, 2011; Sharifah Nor, Nor Adibah, Mohd Mahzan & Aliza, 2012). Namun begitu dari segi pelaksanaannya, khasnya yang melibatkan KBAT dalam mata pelajaran Bahasa Melayu masih kurang diamalkan (A.Rahman, Jamaludin & Zamri, 2015). Isu yang berkait rapat dengan pelaksanaan PdPc berasaskan KBAT dapat dilihat menerusi dua isu utama iaitu amalan pengajaran guru dan penguasaan murid terhadap KBAT.

Guru-guru ditemui kurang bersedia dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap untuk mengajar KBAT, tidak menyampaikan ilmu pengetahuan mengikut aras taksonomi kognitif, bersikap selesa dengan amalan pengajaran konvensional seperti *chalk and talk* berbanding kaedah pengajaran dua hala sebagaimana yang disarankan oleh KPM, di samping ditemukan juga isu berkaitan penglibatan murid, memanfaatkan sumber pendidikan serta kualiti latihan dan tugas merupakan penyumbang kepada kualiti PdPc berasaskan KBAT yang dilaksanakan oleh guru (Baharuddin, 2006; Md. Yusof, 2006; Nooriza & Effandi, 2015).

Guru juga didapati lebih mudah untuk mengajar murid mengingati fakta dan kemudian menilai pengetahuan murid melalui ujian aneka pilihan tetapi sukar bagi guru untuk mengajar murid untuk menganalisis, mensintesis dan menilai sesuatu kandungan pelajaran (Musliha Salma, 2010). Hal ini dilihat bertentangan dengan penetapan objektif pembelajaran yang memerlukan guru memberikan tumpuan terhadap pemikiran aras tinggi yang terdiri daripada rangkuman aras aplikasi, sintesis dan analisis, pemikiran yang mencapah dan peluang untuk menyusun idea-idea.

Dalam konteks ilmu pedagogi penulisan argumentatif yang memerlukan murid berfikir secara KBAT, amat penting bagi guru menguasai dan menyampaikan ilmu ini dengan berkesan kerana dalam setiap fasa guru perlu menyediakan murid melakukan tugas-tugas merancang,

menterjemah idea, menilai semula, memurni dan mengemaskan hasil karya secara berulang kali dengan melibatkan aktiviti kognitif yang sangat kompleks bagi menghasilkan penulisan yang bermutu (Rajendran, 2000, 2001a, 2001b, 2001c, 2002 & 2008).

Selain itu, penguasaan terhadap ilmu penulisan karangan argumentatif dapat membolehkan guru mengatasi kekangan dalam PdPc berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan argumentatif seperti murid didapati berhadapan dengan kesukaran untuk menyempurnakan tugas penulisan karangan argumentatif (Wolfe, Britt, & Butler, 2009). Murid juga didapati keliru untuk memilih tajuk tugas (Wei Zhu, 2001) dan mempunyai keterbatasan bagi muka surat yang perlu ditulis bagi karangan argumentatif (Wei Zhu, 2001).

Malah, murid juga didapati sukar untuk mengstruktur dan mengorganisasikan idea (Hyland, 1990; Abdul Jalil, Mahzan & Rahmad Sukor, 2008; Wei Zhu, 2001), penggunaan penanda wacana dengan tidak tepat bagi pemulaan perenggan yang baharu (Wei Zhu, 2001), masalah kemampuan murid menghubungkan antara bukti dengan hujah dan andaian dalam sesebuah penulisan karangan argumentatif (Cho & Jonassen, 2002; Brudvik, Hong & Chee, 2006; Moore & MacArthur, 2011), ketidakupayaan murid untuk membuat kesimpulan bagi isu yang dibahaskan (Wei Zhu, 2001) atau mempelbagaikan diksi yang tepat dan menggunakan tatabahasa yang gramatis dalam penulisan argumentatif untuk menyokong hujah (Wei Zhu, 2001; Abdul Jalil et al., 2008 & Yusfaiza & Mohd Isha, 2012).

Murid juga didapati tidak mengikut format dan garis panduan serta ayat yang dibina tidak teratur dari segi struktur ayat dalam penulisan karangan dan memerlukan bimbingan guru untuk memenuhi kehendak soalan (A. Rahman, Jamaludin & Zamri (2015). Sahlan, Shalinawati dan Saemah (2013) juga menemukan bahawa terdapat murid yang hanya menulis satu atau dua ayat pernyataan tentang tajuk, tetapi tidak menghuraikan tajuk itu dengan isu semasa dan menulis perenggan pendahuluan yang tidak mempunyai kaitan utuh dengan perenggan isi.

Justeru, bagi menangani permasalahan ini adalah penting untuk kajian berkaitan penerokaan bagaimana guru Bahasa Melayu melaksanakan PdPc berasaskan KBAT dalam proses penulisan

karangan argumentatif di sekolah dalam konteks sebenar dengan menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dilangsungkan.

TUJUAN DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana guru Bahasa Melayu melaksanakan PdPc berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan argumentatif di sekolah menengah. Berikut ialah soalan kajian bagi melaksanakan kajian ini:

1. Bagaimanakah guru Bahasa Melayu melaksanakan PdPc berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan argumentatif?

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Pemilihan reka bentuk penyelidikan kualitatif sangat relevan untuk ditadbir dan dilangsungkan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana pemahaman terhadap sesuatu fenomena dapat dilakukan dengan rinci dan tepat bagi membentuk sesebuah makna (Faridah, Rohaida & Abd Razak, 2013). Penyelidikan kualitatif juga didapati menawarkan peluang kepada pengkaji dalam memahami dengan jelas berkaitan konteks sosial dan budaya yang menjurus kepada aspek pendapat, pengalaman, dan pemahaman manusia secara mendalam dan bukannya setakat usaha untuk menghubungkan kait antara pemboleh ubah sematamata (Denzin & Lincoln, 2008).

Pemilihan reka bentuk penyelidikan kajian kes kualitatif ini juga berdasarkan pertimbangan bahawa kemampuan pengkaji melakukan proses pembinaan makna, dibenarkan untuk menyatakan perasaan sama ada bersetuju atau sebaliknya dengan pandangan peserta kajian dan menceritakan ketegangan yang dihadapi ketika meneliti sesuatu perkara (Koo, Wong, Kemboja Chang & Mohd. Subakir, 2011).

Peserta Kajian

Kajian ini telah melibatkan penyertaan dua orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di Tingkatan 4 di sebuah sekolah berasrama penuh di daerah Banting, Selangor. Guru ini dilabel sebagai GA dan GB dan melibatkan diri dalam kajian ini

secara sukarela untuk membekalkan data kajian. Pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan kerana peserta kajian merupakan pakar kerana memiliki informasi yang bermakna terhadap sesuatu isu yang dikaji (Mason, 2002; Maxwell, 2008 & Merriam, 1988 & 2009).

Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data melibatkan temu bual mendalam (dilabel sebagai TB1) antara kedua-dua peserta kajian dengan pengkaji, pemerhatian di dalam bilik darjah (dilabel sebagai BP1) dan penganalisan dokumen iaitu karangan murid. Triangulasi data berlaku dalam kajian ini menerusi kepelbagaian teknik pengumpulan data yang digunakan bagi memastikan data mencapai tahap ketepuan (*saturation point*) sebelum tema terakhir dibina bagi soalan kajian berkaitan bagaimana guru melaksanakan PdPc berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan argumentatif (Cresswell & Miller, 2000).

Analisis Data

Dalam kajian ini, berlakunya longgokan data yang akan menimbulkan masalah untuk ditangani (Anderson, 2004), pengkaji telah menganalisis dapatan kajian sebaik sahaja selesai aktiviti temu bual separa berstruktur dan pemerhatian dilakukan di samping pengkaji mengumpulkan kesemua dokumen yang diperlukan sebagai data sekunder. Proses penganalisan data yang dilakukan dalam kajian ini bermula dengan proses pengorganisasian data, penyaringan dan pengekodan, pembinaan tema, ketepuan data, membuat rumusan data dan pemaparan data.

DAPATAN KAJIAN

Adalah penting untuk guru menggunakan kaedah terbaik dalam melaksanakan PdPc berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan argumentatif. Dalam kajian ini, salah satu kaedah PdPc yang digunakan oleh kedua-dua peserta kajian ialah kaedah perbahasan. Kaedah perbahasan ini digunakan sebanyak lima kali daripada 13 buah PdPc yang dilangsungkan di dalam bilik darjah.

Terdapat dua sub-tema yang dibina hasil daripada dapatan kajian berkaitan penggunaan kaedah perbahasan sebagai kaedah PdPc

berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan argumentatif. Dua tema ini terdiri daripada: (i) simulasi pertandingan perbahasan di dalam bilik darjah dan (ii) penulisan teks lengkap karangan perbahasan.

Simulasi Pertandingan Perbahasan di Dalam Bilik Darjah

Kedua-dua peserta kajian dalam kajian ini telah menggunakan kaedah perbahasan sebagai wahana PdPc berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan argumentatif. Kaedah perbahasan yang digunakan melibatkan simulasi pertandingan perbahasan di dalam bilik darjah. Simulasi pertandingan perbahasan ini dibuat bagi melatih dan menyediakan platform kepada murid untuk mengemukakan idea dan mempertahankan idea mereka sebelum idea-idea tersebut diuraikan dalam bentuk penulisan karangan lengkap. Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian berkaitan bagaimana guru melakukan simulasi pertandingan perbahasan di dalam bilik darjah.

Jadual 2: Perincian dapatan kajian bagi simulasi pertandingan perbahasan

Simulasi Pertandingan Perbahasan	Perincian Dapatan Kajian
Prosedur Pertandingan Perbahasan	Guru menerangkan sekali lagi bilangan hujah yang diperlukan iaitu 4 hujah bagi penulisan karangan, berbahas mengikut situasi sama ada pertandingan ala parlimen 2 hujah sahaja, debat terbuka 3 hujah. Guru juga menerangkan tempoh masa yang diberikan untuk berhujah iaitu antara 7 hingga 8 minit mengikut situasi pertandingan bagi membolehkan hakim menilai hujah pembahas (BP10GB).
Susunan Pembahas dalam Pertandingan	sebenarnya bergantung kepada sejauh mana dia mampu untuk membidas hujah. Kalau dia bidas hujah tu banyak, kita letaklah dia ketiga. (TB1GAGB/ baris 593-596) Membidas tu sikit, kita letak kedua. Kalau lagi sikit pertama ha tapi biasanya kita ada formula lah, formula tu maksudnya berdasarkan pengalaman. Biasanya...biasanya kalau ikut pengalaman biasanya pelajar yang terbaik tu, kita akan letak kedua (TB1GAGB/ baris 598-601).
Tayangan	Guru kemudian meminta murid untuk

video pertandingan perbahasan meneliti tayangan video kedua perlawanan persahabatan yang dilakukan oleh pasukan bahas. Guru juga menggalakkan murid untuk mengaplikasikan cara berhujah setelah melihat video kedua. Guru kemudian menerangkan dalam pertandingan perbahasan, pembahas perlu memulakan sesi berhujah dengan mengemukakan pendefinisian bagi usul atau tajuk yang diberikan. Guru kemudian meminta murid untuk cuba mengaplikasikan gaya, intonasi, suara yang lantang aktiviti perbahasan menerusi contoh teks perbahasan yang disediakan. Guru menunjukkan demonstrasi gaya berbahas sebelum meminta murid untuk mengaplikasikan gaya tersebut (BP9GB).

Format Penulisan Karangan Perbahasan Guru bertanya murid mengenai format penulisan karangan perbahasan. Murid menyenaraikan jawapan berkaitan format iaitu kata-kata aluan, definisi, bawaan usul atau tajuk dan penutup. Guru memberikan pembayang kepada murid mengenai satu perkara iaitu huruf H. Murid menjawab hujah (BP10GB).


GA juga dilihat telah membina rangka bagi penggunaan format penulisan karangan perbahasan dalam PdPc semasa pemerhatian bagi BP11GA dilakukan. Gambar 1 ialah pembinaan rangka format karangan perbahasan.

Penulisan Teks Lengkap Karangan Perbahasan

Sub-tema kedua bagi kaedah perbahasan sebagai wahana PdPc berasaskan KBAT dalam proses penulisan ialah penulisan teks lengkap karangan perbahasan. Kedua-dua peserta kajian mempunyai keyakinan yang utuh bahawa murid perlu memahami arahan soalan terlebih dahulu dan menguasai format penulisan karangan perbahasan sebelum murid mampu menghasilkan teks lengkap bagi karangan perbahasan. Jadual 4 menghuraikan perincian dapatan kajian berkaitan bagaimana GA dan GB membimbing murid menyediakan teks lengkap karangan perbahasan.

Jadual 3: Perincian dapatan kajian bagi penulisan teks lengkap karangan perbahasan

Penulisan Teks Lengkap Karangan Perbahasan	Perincian Dapatan Kajian
Pemahaman Arahan Soalan – Meyokong atau Membangkang Tajuk	Guru kemudian bertanya apakah yang dimaksudkan sebagai menyokong dan tidak menyokong kepada murid? Murid menjawab menyokong atau tidak menyokong tajuk yang diberikan. Guru mengiyakan jawapan murid iaitu sama ada murid menyokong atau tidak menyokong tajuk iaitu kepentingan pemuliharaan bandar warisan. Guru menerangkan murid boleh memilih untuk menyokong atau tidak menyokong tetapi perlu bergantung pada arahan soalan sama ada murid diminta untuk menjadi pencadang atau pembangkang (BP7GA).



Gambar 1: Pembinaan rangka format karangan perbahasan (BP11GA)

Selain itu, bagi memastikan murid dapat menguasai penulisan teks lengkap karangan perbahasan ini, kedua-dua peserta kajian, GA dan GB dilihat telah memilih tajuk bagi penulisan karangan perbahasan. Berikut ialah senarai tajuk karangan perbahasan telah dibincangkan semasa

pemerhatian di dalam bilik darjah dilakukan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Pemilihan tajuk karangan perbahasan oleh GA dan GB

Peserta Kajian	Tajuk Karangan Perbahasan	Tarikh Pemerhatian di dalam Bilik Darjah (PdPc)
GA	1. Andaikan kumpulan anda telah dipilih untuk mewakili Persatuan Sahabat Warisan Malaysia bagi membahaskan tajuk yang berikut: Pemuliharaan bandar warisan adalah lebih penting daripada membina bandar moden. (BP7GA)	24 Ogos 2016
	2. Tempat bersejarah mampu meningkatkan semangat patriotisme. (BP11GA)	7 September 2016
GB	1. Penggunaan internet lebih banyak memberikan kebaikan daripada keburukan. Sebagai pasukan pembangkang, bahaskan tajuk ini. (BP8GB)	25 Ogos 2016
	2. Anda telah terpilih menyertai pertandingan perbahasan di sekolah. Tajuk perbahasan ialah internet lebih banyak mendatangkan kebaikan daripada keburukan. Nyatakan hujah-hujah anda sebagai pihak pencadang. (BP9GB)	25 Ogos 2016
	3. Andaikan kumpulan anda telah dipilih untuk mewakili Persatuan Sahabat Warisan Malaysia bagi membahaskan tajuk yang berikut: Pemuliharaan bandar warisan adalah lebih penting daripada membina bandar moden. (BP10GB)	6 September 2016

PERBINCANGAN

Setelah meneliti kesemua dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa justifikasi yang dapat dilakukan kedua-dua peserta kajian dalam membekalkan data adalah bersandarkan kepada pengetahuan, pemahaman dan amalan kedua-dua peserta kajian sebagai jurulatih pasukan bahas bagi GA dan pengurus pasukan bahas bagi GB.

Kedua-dua peserta kajian ini menggunakan pendedahan yang diperoleh hasil daripada penglibatan mereka dalam pertandingan perbahasan sebagai salah satu kaedah PdPc untuk melatih murid berfikir dengan menggunakan KBAT. Hal ini demikian kerana kedua-dua peserta kajian didapati terlibat secara aktif dalam membimbing pasukan bahas sekolah mereka menyertai pertandingan perbahasan sama ada pada peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan sehingga berjaya dinobatkan sebagai Johan bagi Piala Perdana Menteri bagi tahun 2016.

Kedua-dua peserta kajian, GA dan GB menggunakan kaedah perbahasan sebagai pemudahcara untuk memasukkan elemen KBAT dengan memberikan peluang kepada murid mengemukakan pandangan mereka dalam bentuk perbahasan dan kemudiannya idea-idea yang telah dibahaskan ditukarkan kepada bentuk penulisan teks lengkap karangan perbahasan.

Pengadaptasian Model Penulisan Argumentatif dalam PdPc

Dapatan kajian ini dilihat menyamai gagasan yang dikemukakan oleh Toulmin's (1958) dalam Model Penulisan Wacana Argumentatif dan model Binaan Wacana Argumentatif oleh Ali (2005). Menerusi simulasi pertandingan perbahasan, dapatan kajian iaitu simulasi pertandingan perbahasan ini menepati keenam-enam komponen Model Tolumin's. Dalam simulasi pertandingan, murid didapati menggunakan komponen utama model ini iaitu data, hujah dan andaian untuk membincangkan usul yang diperbahaskan di dalam bilik darjah.

Seterusnya murid menggunakan komponen sokongan, pematihan hujah dan penambahjelasan bagi menjawab bidasan yang dikemukakan oleh pihak lawan semasa kaedah perbahasan dilangsungkan di dalam bilik darjah. Keadaan ini memberikan implikasi terhadap kegiatan berfikir

murid kerana murid perlu mencari fakta yang tepat untuk menyokong hujah mereka.

Dapatan kajian ini menepati pandangan Mohd Azhar (2001), Norhasni (2014) dan Nurhidayu (2012) bahawa kegiatan berfikir pada rasa tinggi mampu diaplikasikan menerusi kemahiran berbahasa kerana murid dapat mengemukakan pandangan mereka, perlu bijak mempertahankan idea dan hujah sehingga mendapatkan persetujuan bersama terhadap isu yang dibincangkan.

Pembudayaan Kaedah Perbahasan dalam PdPc Karangan

Selanjutnya, kaedah perbahasan yang digunakan oleh kedua-dua peserta kajian merangkumi pendedahan dan bimbingan yang dilakukan oleh GA dan GB berkaitan penulisan teks lengkap karangan perbahasan. Penulisan karangan perbahasan merupakan karangan berformat. Setelah murid diberikan pengalaman melakukan simulasi pertandingan perbahasan untuk mengasah bakat murid berdebat, murid kemudiannya diajar oleh kedua-dua peserta kajian ini untuk menyediakan teks karangan perbahasan yang lengkap.

Kedua-dua peserta kajian berulang kali meminta murid untuk memahami arahan soalan sama ada murid perlu menyokong tajuk atau membangkang tajuk yang disediakan sebelum mula menulis teks lengkap karangan perbahasan. Kedua-dua peserta kajian didapati telah menyediakan rangka format karangan perbahasan yang menjadi panduan asas kepada murid untuk menghasilkan teks lengkap karangan perbahasan. Penyediaan rangka teks lengkap karangan perbahasan ini didapati menyamai struktur Binaan Wacana Argumentatif (Ali, 2005).

Kedua-dua peserta kajian juga dilihat memberikan penekanan terhadap aspek bahasa kerana dalam karangan perbahasan, murid perlu menggunakan laras bahasa pemujukan bagi mendapatkan sokongan atau persetujuan pembaca untuk menerima pandangan yang dikemukakan.

Penggunaan kaedah perbahasan dalam kajian ini didapati berupaya menarik minat murid untuk mengekalkan perhatian dan mencambahkan keupayaan berfikir murid di luar kotak memandangkan murid perlu bersedia dengan soalan atau membuat penjelasan terhadap pertanyaan yang dikemukakan oleh guru atau

rakan mereka semasa berlangsungnya aktiviti berbahasa di dalam bilik darjah.

Implikasinya, murid didapati lebih bersedia dengan membuat bacaan awal dan bersemangat untuk mempertahankan idea mereka secara berkumpulan. Untuk memastikan kaedah perbahasan ini berjaya dilaksanakan sebagai wahana PdPc berasaskan KBAT, adalah amat penting bagi guru memilih tajuk-tajuk yang bersesuaian dengan tahap kognitif murid dan mempunyai kaitan yang rapat dengan persekitaran murid di samping menyentuh isu-isu semasa.

KESIMPULAN

Dalam merencanakan proses PdPc berasaskan KBAT, guru hendaklah terlebih dahulu memahami dan menghayati falsafah dan matlamat kurikulum, struktur dan organisasi kurikulum dan sukatan pelajaran Bahasa Melayu. Guru juga perlu mempunyai pengetahuan yang kompeten mengenai mata pelajaran pengkhususannya serta mempunyai kemahiran mengajar termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai antara satu sama lain, mengendalikan pengajaran bagi murid-murid pelbagai kebolehan dan mempunyai ciri-ciri keguruan yang positif dan kreatif untuk menjalankan proses PdPc (Mok, 2012).

Keberkesanan pengajaran bergantung kepada kebolehan guru menggunakan kemahiran mengajar yang berjaya memudahkan aktiviti pembelajaran murid dan menimbulkan ransangan kepada murid supaya menggalakkan mereka belajar. Kesimpulannya, keberkesanan fungsi ini amat bergantung kepada kemampuan guru mendukung tanggungjawab tersebut di dalam bilik darjah.

Justeru, adalah amat relevan sekiranya pelbagai kajian dilakukan secara berterusan dalam meneliti kaedah terbaik yang dapat diaplikasikan oleh guru dalam melangsungkan proses PdPc yang bermakna dan memberikan impak yang positif terhadap pembentuk keupayaan kognitif pada aras tinggi murid secara total.

RUJUKAN

A.Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod. 2015. Kemahiran berfikir aras tinggi dalam SALAK Didik dengan

- elemen nyanyian dan elemen pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (1): 53-60.
- Abdul Halim Abdullah. 2016. Kemahiran berfikir aras tinggi dari aspek kurikulum, pedagogi dan pentaksiran. Dlm. Johari Surif, Nor Hasniza Ibrahim, Abdul Halim Abdullah & Yusof Boon. *Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran*, 127-149. Skudai: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Jalil Othman, Mahzan Arshad & Rahmad Sukor Ab. Samad. 2008. Penggunaan kohesi gramatikal dan leksikal dalam mod penulisan argumentatif dan ekspositori. *Masalah Pendidikan*, 31 (1): 135-146.
- Ali Haji Mahmood. 2005. Kesan latihan wacana secara sistematik terhadap kemahiran menulis esei argumentatif. Disertasi Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Aminah Ayob. 2003. Permbelajaran berasaskan minda dan implikasinya kepada pendidikan. *Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor Pelantikan 2003/Bil.2*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Anderson, L.W. 2004. *Inquiry, data and understanding: A search for meaning in educational research*. Columbia: Routledge Falmer Taylors & Francis Group.
- Armstrong, W.S. & Fogelin, R. 2010. *Understanding arguments an introduction to informal logic. 8th Edition*. Virginia: Wadsworth Cengage Learning
- Baharuddin Jabar. 2006. Perspektif pelajar terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah menengah: Satu kajian kes di Daerah Hilir Perak. *Laporan Geran Penyelidikan*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Brudvik, O.C., Hong, K.H., Chee, Y.S. & Guo, L. (2006). Assessing the impact of a structured argumentation board on the quality of students' argumentative writing skills. *Proceedings of The 14th International Conference on Computers in Education*, 141-148). Amsterdam: IOS Press.
- Buchman, A.D & Jitendra, A.K. 2006. Enhancing argumentative essay writing of fourth-grade students with learning disabilities. *Learning Disability Quarterly*, 29: 39-54.
- Cho, K.L. & Jonassen, D.H. 2002. The effects of argumentation scaffolds on argumentation and problem solving. *ETR & D*, 50 (3): 5-22.
- Coker, D.L., Jr. & Erwin, E. 2011. Teaching academic argument in an urban middle school: A case study of two approaches. *Urban Education*, 46 (2): 120-140.
- Creswell, J.W. & Miller, D.L. 2000. Determining validity in qualitative inquiry. *Theory in Practice*, 39 (3): 124-130.
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. 2008. *The landscape of qualitative research*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications Inc.
- Faridah Darus, Rohaida Saat & Abd. Razak Zakaria. 2013. Transformasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran mengenai kemahiran membuat hipotesis dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JUKU)*, 1 (3): 47-57.
- Hyland, K. 1990. A genre description of the argumentative essay. *RELC Journal*, 21 (1): 66-78.
- Jumaliah Mingan & Zamri Mahamod. 2016. Pengetahuan pelajar sekolah menengah tentang penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 22-32.
- Koo Yew Lie, Wong Fook Fei, Kemboja Ismail, Chang Peng Kee & Mohd Subakir Mohd Yasin. 2011. Literasi kritikal dalam konteks pendidikan tinggi: Suara dari sebuah bilik darjah di Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11 (2): 99-119.
- Lamn, R. & Everett, J. 2007. *Dynamic argument*. New York: Houghton Mifflin Company.
- Maimunah Osman. 2004. *Kemahiran berfikir siri pengurusan INTAN*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Mason, J. 2002. *Qualitative researching*. London: SAGE Publication, Inc.
- Maxwell, J.A. 2008. Designing a qualitative study. In. Bickman L. & Rog, D.J. *The SAGE handbook of applied social research methods*, 214-253. California: SAGE Publications Inc.
- Mayberry, K.J. 2002. *Everyday arguments: A guide to writing and reading effective*

- arguments*. New York: Addison Wesley Longman, Inc.
- Md. Yusof Dawam. 2006. Mengajar kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah: Satu kajian di sebuah sekolah di Mersing, Johor. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Merriam, S.B. 1988. *Case study research in education: A qualitative approach*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S.B. 2009. *Qualitative research a guide to design and implementation: Revised and expanded from qualitative research case study application in education*. San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Mohd Azhar Abd Hamid. 2001. *Pengenalan pemikiran kritis dan kreatif*. Sekudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang. 2012. *Prinsip teras guru mata pelajaran*. Puchong: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Moore, N.S. & MacArthur, C.A. 2011. The effects of being a reader and of observing readers on fifth-grade students' argumentative writing and revising. *Reading and Writing*, 25 (6): 1449-1478.
- Musliha Salma Mohd Radzi. 2010. Aplikasi kemahiran berfikir aras tinggi melalui pembelajaran berasaskan masalah. Disertasi Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam): Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nimehchisalem, V. 2011. Determining the evaluative criteria of an argumentative writing scale. *English Language Teaching*, 4 (1): 58-69.
- Norhasni Zainal Abiddin. 2014. *Reka bentuk metodologi dan penilaian latihan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nooriza Kassim & Effandi Zakaria. 2015. Integrasi kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran matematik: Analisis keperluan guru. *Jurnal Pendidikan Matematik*, 3 (1): 1-12.
- Nureeyah Maekong. 2015. Enhancing students argumentative writing performance and critical thinking skills through incorporation of concept mapping and content-based instruction. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Nurhidayu Salleh. 2012. Pendekatan teknik perbincangan dan perbahasan dalam proses pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Moral. *Koleksi Penulisan Amalan Terbaik Pemantapan Pendidikan Berasaskan Hasil Bil.1*, 37-47. Melaka: Politeknik Melaka.
- Rajendran, N.S. 2000. Teaching higher order thinking skills in classrooms: Learning from the experiences of Malaysia. *Thinking Qualities Initiatives Conference Hong Kong 2000*, 1-20. Hong Kong: Centre For Educational Development, Hong Kong Baptist University. 23-24 Jun.
- Rajendran, N. S. 2001a. The teaching of higher-order thinking skills in Malaysia. *Journal of Southeast Asian Education*, 2 (1): 42-65.
- Rajendran, N.S. 2001b. Amalan berdaya fikir pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. *Konvensyen Pendidikan Ke-10*, 1-20. Kuala Lumpur: Institut Bahasa Melayu Malaysia.
- Rajendran, N.S. 2001c. Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi: Kediaan guru mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. *Seminar/Pameran Projek KBKK: Poster Warisan-Pendidikan-Wawasan*. Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM. 1- 2 Ogos. Putrajaya.
- Rajendran, N.S. 2002. Bahasa Melayu: penyumbang ke arah kemahiran berfikir aras tinggi. *Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu Kedua*, 1-12. Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu Kedua. 8-15 Oktober. Beijing, China.
- Rajendran, N.S. 2008. *Teaching and acquiring higher-order thinking skills theory and practice*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shahlan Surat, Shalinawati Ramli & Saemah Rahman. 2013. Sumbangan elemen metakognitif terhadap pencapaian penulisan karangan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (2): 79-91.
- Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis & Aliza Ali. 2012. Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2): 19-31.

- Toulmin, S.E. 1958. *The uses of argument*. London: Cambridge University Press.
- Wan Mat Sulaiman & Norkhairiah Hashim. 2011. Aplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran pengetahuan agama Islam. *Journal of Applied Research in Education*, 15 (1&2): 43-58.
- Wei Zhu. 2001. Performing argumentative writing in English: Difficulties, processes and strategies. *TESL Canada Journal*, 19 (1): 34-50.
- Wolfe, C.R., Britt, M.A. & Butler, J.A. 2009. Argumentation schema and the myside bias in written argumentation. *Written Communication*, 26: 183-209.
- Wood, N.V. 1998. *Perspectives on argument*. 2nd Edition. New Jersey: Prentice Hall International.
- Wood, N.V. 2001. *Writing argumentative essays*. 2nd Edition. New Jersey: Prentice Hall International.